

Draf pertama RMK-9 sedang diperhalusi

PM jamin ambil kira semua aspek termasuk kemiskinan

BH - 24/1/2006

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata draf pertama Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sudah siap dan kerajaan kini sedang memperhalusinya lagi sebelum dibentangkan di Parlimen, Mac ini.

Perdana Menteri berkata, draf rancangan pembangunan lima tahun itu akan disusun dengan teliti kerana RMK-9 meletakkan asas penting bagi pembangunan negara selama 15 tahun menjelang 2020.

Sambil memberi jaminan RMK-9 akan mengambil kira semua aspek, termasuk program membasmi kemiskinan tegar, beliau berkata, perancangan projek dalam rancangan itu juga mengambil kira kekuatan dan kelemahan kaedah pembangunan yang dijalankan sepanjang Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Perdana Menteri berkata, sebanyak 16 peratus daripada jumlah projek yang sepatutnya dilaksanakan dalam RMK-8 tidak berjaya disiapkan dan terpaksa dibawa dalam RMK-9.

Pada masa yang sama, beliau berkata, 94 peratus daripada RM170 bilion dana yang disediakan oleh kerajaan untuk RMK-8 sudah dibelanjakan oleh pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

"Kita mesti melakukan kajian terhadap punca kelemahan pelaksanaan projek sama ada disebabkan faktor manusia atau disebabkan kaedah yang tidak betul atau disebabkan bencana alam dan sebagainya.

"Bagi projek yang tidak berjaya dilaksanakan disebabkan bencana alam atau banjir, kita mesti mencari jalan supaya kesannya minimum dan mencari kaedah untuk mempercepat projek terbabit selepas bencana," katanya berucap pada jamuan makan malam Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri di Puspanita Puri, di sini,



TERUSKAN KECEMERLANGAN: Abdullah menyampaikan Anugerah Pejabat Terbaik yang dimenangi Kementerian Pelajaran kepada Ketua Setiausaha, Tan Sri Ambrin Buang sambil diperhatikan Khalid di Putrajaya, malam tadi.

“*Jika faktor manusia atau kaedah pelaksanaan punca projek tidak berkesan, kita mesti cari puncanya dan tidak mengulangi kesilapan”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

malam tadi.

Hadir sama, Ketua Pengarah ICU, Datuk Seri Khalid Ramli.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata, ICU memainkan peranan yang amat penting untuk meningkatkan sistem penyampaian awam kerana tugas utamanya ialah menilai keberkesanan dan pelaksanaan sesebuah projek.

Katanya, hasil daripada penilaian projek itu penting untuk menambahbaik sistem penyampaian awam, sekali gus menghasilkan projek memanfaatkan banyak pihak.

Beliau berkata, kaedah yang bertambah baik setiap tahun menjadi

kan negara progresif kerana kelemahan berjaya diatasi menerusi penilaian secara berterusan.

"Selain menilai projek kerajaan, ICU sendiri mesti mengkaji kaedah yang digunakan untuk menilai pelaksanaan setiap projek kerajaan.

"Kakitangan ICU juga mestilah sentiasa menambah ilmu menerusi buku pengurusan dan penilaian supaya kaedah kita sentiasa meningkat ke peringkat lebih tinggi.

"Ilmu yang baik ini mestilah digunakan untuk memperbaiki cara kerja kita dan kemudian kita berkongsinya dengan orang lain," katanya.